

# Pameran Malam Tradisi Sastera Rakyat

Oleh Muhamad Najkhan Mazlan  
bhvarsiti@bharian.com.my

**S**ERDANG: Pelajar kursus Kesusteraan Rakyat Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif memartabatkan warisan kebudayaan Melayu menerusi Pameran Malam Tradisi Sastera Rakyat, baru-baru ini.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof Madya Dr Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, berkata

program kali ke-27 itu wajar bagi mengukuhkan penghayatan terhadap budaya, seni dan warisan dalam kalangan generasi moden.

"Pameran ini mencerminkan kehidupan sebenar generasi dulu kala khususnya yang berkaitan dengan adat istiadat negeri Selangor.

"Saya percaya masih ramai yang tidak mengetahui warisan sebenar peninggalan generasi terdahulu.

"Saya berharap pameran ini

dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung," katanya ketika berucap merasmikan pameran itu di Kampus UPM, di sini.

Pameran itu inisiatif pelajar dan mendapat bimbingan pensyarah Jabatan Bahasa Melayu fakulti berkenaan, Halimah Hassan.

Berlangsung selama 10 hari, pameran itu dimeriahkan dengan kegiatan seperti persembahan silat, upacara mandi keris dan jualan kraf tangan tradisional Melayu.



DR ABDUL MUA'TI (kiri) menyaksikan upacara mandi keris dalam pameran MTSR di kampus UPM, baru-baru ini.